



GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENGIMPORTAN TUMBUHAN PRODUK TUMBUHAN DAN ARTIKEL TERKAWAL





GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENGIMPORTAN TUMBUHAN, PRODUK TUMBUHAN DAN ARTIKEL TERKAWAL (ANALISIS RISIKO PEROSAK) (PEST RISK ANALYSIS, PRA)

**Edisi Pertama
DOA/BBT/GPPRA/E01**

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
Jabatan Pertanian Malaysia
Tingkat 1-3, Wisma Tani, Jalan Sultan Salahuddin
50632 Kuala Lumpur

BK 230/03.22

eISBN 978-983-047-293-5

Cetakan Pertama 2022

Edisi Pertama

© Hak cipta Jabatan Pertanian Malaysia,
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Pertanian, Jabatan Pertanian Malaysia.

Manuskrip terbitan ini disediakan oleh Bahagian Biosekuriti Tumbuhan

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENGIMPORTAN TUMBUHAN, PRODUK TUMBUHAN DAN ARTIKEL TERKAWAL : (ANALISIS RISIKO PEROSAK) (PEST RISK ANALYSIS, PRA). – Edisi Pertama.

Mode of access: Internet

eISBN 978-983-047-293-5

1. Imports--Handbooks, manuals, etc.
2. Plant products industry--Handbooks, manuals, etc.
3. Agricultural pests--Control--Handbooks, manuals, etc.
4. Government publications--Malaysia.
5. Electronic books.

I. Malaysia. Jabatan Pertanian. Bahagian Biosekuriti Tumbuhan.

382.5

Diterbitkan oleh: Jabatan Pertanian Malaysia

Aras 7-17, Wisma Tani,
No.30 Persiaran Perdana, Presint 4,
62624 Putrajaya
Tel : 603 - 8870 3042
Faks : 603 - 8888 5069
Laman Web: <http://www.doa.gov.my>

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
	KATA ALUAN KETUA PENGARAH PERTANIAN	1
1.0	Latar Belakang	2
2.0	Analisis Risiko Perosak (<i>Pest Risk Analysis, PRA</i>)	3
2.1	Permulaan & Penilaian Risiko (<i>Initiation And Risk Assessment</i>)	3
2.2	Komunikasi Risiko (<i>Risk Communication</i>)	4
2.3	Pengurusan Risiko (<i>Risk Management</i>)	4
3.0	Jawatankuasa Kelulusan Permohonan Pengimportan	5
A.	Jawatankuasa Analisis Risiko Perosak (JK PRA)	5
B.	Jawatankuasa Permohonan Pengimportan Berisiko Tinggi (JK PPBT)	6
4.0	Kawalan Pengimportan Berdasarkan Kuasa Perundangan	7
5.0	Proses Kerja Permohonan Pengimportan Tumbuhan, Produk Tumbuhan dan Artikel Terkawal	9
6.0	Carta Alir Permohonan Pengimportan Tumbuhan, Produk Tumbuhan dan Artikel Terkawal Berdasarkan Kategori Permohonan	11
7.0	Singkatan	12
8.0	Rujukan	12
9.0	Penghargaan	13
10.0	Lampiran:	
	Lampiran 1 PB01 : Borang Permohonan Pengimportan Tumbuhan, Produk Tumbuhan dan Artikel Terkawal	15
	Lampiran 2 PB02 : Borang Permohonan Pengimportan Tumbuhan, Produk Tumbuhan dan Artikel Terkawal bagi tujuan penyelidikan	23

KATA ALUAN KETUA PENGARAH PERTANIAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.



Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya kita telah berjaya menghasilkan Garis Panduan Permohonan Pengimportan Tumbuhan, Produk Tumbuhan Dan Artikel Terkawal (Analisis Risiko Perosak) (Pest Risk Analysis, PRA) ini untuk kegunaan jabatan dan agensi serta pihak industri (pengimport) di pintu masuk Semenanjung Malaysia. Sekalung tahniah dan penghargaan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan penerbitan buku garis panduan ini.

Garis panduan ini disediakan bertujuan untuk menyelaras dan memastikan semua prosedur serta aktiviti pengimportan tumbuhan, produk tumbuhan dan artikel terkawal ke dalam negara adalah mengikut prosedur dan selaras dengan keperluan Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 (Akta 167), Peraturan-Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981 serta Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728). Adalah diharapkan dengan adanya garis panduan ini, prosedur pengimportan tumbuhan, produk tumbuhan dan artikel terkawal ke dalam negara lebih terancang, teratur dan selamat.

Justeru itu dengan penerbitan ini akan membantu para pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian yang terlibat dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti dan jelas berkaitan dengan prosedur pengimportan tumbuhan, produk tumbuhan dan artikel terkawal.

Akhir kata, syabas dan tahniah kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan ini. Semoga garis panduan ini dapat dijadikan sebagai rujukan serta memberi panduan kepada setiap warga Jabatan khususnya dan pemegang taruh (stakeholder) amnya.

Sekian, terima kasih.

Dato' Zahimi bin Hassan
Ketua Pengarah Pertanian

1.0 LATAR BELAKANG

Pengimportan sesuatu **tumbuhan** (spesis tanaman atau bahagian-bahagian bahan tanaman sama ada untuk dibiakkan, hiasan atau pembuatan), **produk tumbuhan** dan **artikel terkawal** (tanah, media tanaman, bahan organan, mikroorganisma dan organisma berfaedah dan perosak tanaman) ke Malaysia adalah tertakluk kepada keperluan Import Permit di bawah Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 (Akta 167), Peraturan – Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981 dan Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

Kelulusan permohonan pengimportan tumbuhan, produk tumbuhan dan artikel terkawal adalah bergantung kepada Laporan Analisis Risiko Perosak (Pest Risk Analysis, PRA) dan Jawatankuasa PRA. PRA dijalankan bagi menilai impak biologi dan ekonomi berdasarkan bukti saintifik untuk menentukan status sesuatu organisme itu adalah perosak atau tidak dan penentuan keperluan pengawalan dan penguatkuasaan langkah - langkah fitosanitari (phytosanitary measure) sebagai langkah pencegahan kepada kemasukan dan kemerebakan organisma tersebut (*Glossary of Phytosanitary Terms, ISPM No. 5*).

PRA adalah satu proses yang merangkumi 3 peringkat iaitu *(1) Initiation of the PRA through identification of a pest or pathway, or review or revision of an existing phytosanitary policy, (2) Pest Risk Assessment, and (3) Pest Risk Management. Risk communication* adalah komponen penting yang berlaku di setiap peringkat. Secara teknikalnya, langkah – langkah fitosanitari yang dilaksanakan oleh sesebuah negara untuk mengatasi risiko – risiko perosak tertentu adalah berpandukan kepada pengesyoran laporan PRA.

Selaras dengan **Akta Kuarantin Tumbuhan 1976**, **Peraturan - Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981** dan **International Standards For Phytosanitary Measures (ISPM)** No.2 (Framework for pest risk analysis) dan No.11 (Pest risk analysis for quarantine pests, including analysis of environmental risks and living modified organisms); semua pengimportan **tumbuhan**, **produk tumbuhan** dan **artikel terkawal** berikut akan dilaksanakan **PRA sebelum dibenarkan masuk ke negara ini**:

- i. Komoditi baru, yang belum pernah diimport daripada mana-mana negara;
- ii. Pengimportan daripada negara yang belum mendapat kebenaran pengimportan;
- iii. Bentuk komoditi baru (description form);
- iv. Kedapatan maklumat baru yang menunjukkan syarat-syarat pengimportan sedia ada tidak memenuhi keperluan Sanitary & Phytosanitary (SPS) negara;
- v. Terdapat pemintasan perosak sama ada perosak kuarantin dan bukan kuarantin termasuk artikel terkawal dan lain-lain *contaminant* di pintu masuk
- vi. Terdapat laporan kemerebakkan perosak kuarantin di negara pengeksport
- vii. Oleh yang demikian, bagi Jabatan Pertanian perlu mendapatkan **Dokumen Teknikal** termasuk senarai perosak daripada **Pihak Berkuasa Kuarantin Negara Pengeksport (National Plant Protection Organization, NPPO)** untuk menjalankan PRA bagi menentukan kelulusan sesuatu permohonan pengimportan.

Kepentingan pengawalan dan penguatkuasaan langkah – langkah fitosanitari adalah untuk:

- i. Melindungi biodiversiti negara daripada pengenalan dan penyebaran perosak asing berbahaya; dan
- ii. Memastikan sesuatu pengimportan itu tidak membawa risiko kemasukan perosak asing berbahaya ke negara ini yang boleh menjelaskan sektor pertanian, perhutanan serta mengancam industri hiliran

Kemasukan perosak asing berbahaya boleh mengancam ekosistem dan habitat semulajadi di sesebuah negara dan juga boleh menyebabkan alahan kepada manusia dan haiwan yang boleh membawa kepada kematian

seperti Rumput Miang Mexico (*Parthenium hysterophorus*). Oleh yang demikian, langkah – langkah pencegahan adalah penting bagi membendung kemasukan perosak asing berbahaya ke dalam negara.

Pemohon dinasihatkan supaya menghantar Borang PB01 (Permohonan Pengimportan Tumbuhan, Produk Tumbuhan Dan Artikel Terkawal) seperti di Lampiran 1 kepada Unit Kawalan Import & PRA, Bahagian Biosekuriti Tumbuhan, Jabatan Pertanian Malaysia bagi permohonan pengimportan baru.

Pemohon perlu berdaftar dengan Syarikat Perkhidmatan iaitu DagangNet Technologies Sdn Bhd untuk mendapatkan *username* dan kata laluan (*password*) ke dalam sistem ePermit DagangNet. Pemohon boleh memohon menggunakan komputer persendirian tanpa perlu hadir ke kaunter Jabatan. Pemohon boleh mencetak Permit Import yang telah diluluskan dalam tempoh 5 hari bekerja.

2.0 ANALISIS RISIKO PEROSAK (PEST RISK ANALYSIS, PRA)

2.1 PERMULAAN DAN PENILAIAN RISIKO (INITIATION & RISK ASSESSMENT)

Perkara – perkara asas yang perlu dipertimbangkan sebelum memulakan sesuatu Analisis Risiko Perosak adalah penentuan status *pathway*, perosak/penyakit tumbuhan dan polisi bagi sesuatu permohonan pengimportan tumbuhan, produk tumbuhan dan artikel terkawal.

Penentuan status *pathway* adalah berdasarkan:

- i. Komoditi yang dimport (an imported commodity)
- ii. Bentuk pengangkutan dan penyimpanan komoditi semasa pengimportan (*a means of transportation or storage*)
- iii. Pembungkusan atau apa – apa artikel yang diimport bersama komoditi (*packaging, or other articles associated with the commodity*)
- iv. Penyebaran perosak/penyakit secara semulajadi (*a natural means of spread, e.g., wind*)

Penentuan status perosak/penyakit tumbuhan adalah berdasarkan data pintasan perosak, laporan perosak baru di negara pengkesport, laporan kemerebakan perosak di negara pengeksport dan penemuan perumah baru bagi perosak berjadual yang berpotensi menyebabkan kerugian yang tinggi kepada industri pertanian negara.

Semakan borang permohonan dan maklum balas kepada pemohon akan dibuat selepas pertimbangan perkara – perkara asas seperti di atas. Setiap permohonan akan direkodkan dan difailkan. Bagi mana – mana permohonan yang telah lengkap, Jabatan Pertanian akan membuat permohonan tenikal dokumen (Lampiran 2) daripada NPPO negara pengeksport. Pada masa yang sama, Jabatan Pertanian akan mendapatkan maklumat-maklumat daripada *literature finding* yang berkaitan dengan permohonan pengimportan artikel terkawal, tumbuhan atau produk tumbuhan daripada segi :

- i. Status pengimportan dalam sistem ePermit,
- ii. Morfologi tumbuhan, produk tumbuhan atau artikel terkawal,
- iii. Status tumbuhan, produk tumbuhan atau artikel terkawal dari segi rumpai (weediness assessment berdasarkan 10 jurnal dan lain-lain artikel)
- iv. Perosak (serangga, nematod, rumpai)
- v. Penyakit (virus, bakteria, fungus, viroid)
- vi. Maklumat syarat pengimportan komoditi berkenaan yang dikenakan oleh negara pengimport yang lain.
- vii. Perbincangan dengan pakar-pakar perosak, penyakit, rawatan kuarantin dan lain-lain.

Setelah semua maklumat diperolehi, permohonan pengimportan akan dibawa masuk ke **Jawatankuasa PRA** untuk **pertimbangan kelulusan permohonan berisiko rendah dan sederhana; serta pengesyoran bagi permohonan berisiko tinggi** kepada Jawatankuasa Permohonan Pengimportan Berisiko Tinggi (JK PPBT). Pertimbangan untuk menjalankan PRA lengkap atau lawatan rasmi pemeriksaan kuarantin di negara pengeksport (*Verification of Compliance, VOC*) akan ditentukan di dalam JK PPBT.

Bagi permohonan pengimportan yang memerlukan lawatan rasmi pemeriksaan kuarantin di negara pengeksport (*Verification of Compliance, VOC*) di negara pengesport, penentuan tarikh dan persiapan lawatan pemeriksaan kuarantin *Verification of Compliance (VOC)* akan dibuat bersama dengan wakil pengimport pengeksport dan NPPO pengeksport (NPPO pengeksport perlu mengaturkan tarikh dan tentatif lawatan tersebut). Laporan lawatan tersebut akan disediakan dalam tempoh 1 bulan selepas lawatan tersebut. Laporan akan dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan PRA untuk keputusan selanjutnya.

2.2 KOMUNIKASI RISIKO (RISK COMMUNICATION)

Risk communication adalah komponen penting yang berlaku di setiap peringkat di mana iaanya melibatkan kerjasama antara Jabatan Pertanian (DOA), NPPO negara pengeksport, pengimport, pengeksport, pakar – pakar dan lain – lain agensi.

Jabatan akan mengeluarkan satu surat peringatan kepada NPPO negara pengeksport mengenai status Dokumen Teknikal (Technical Document, TD) sekiranya tidak menerima dokumen tersebut dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh surat permohonan Dokumen Teknikal daripada NPPO pengeksport.

*Permohonan boleh ditutup sekiranya tiada maklum balas daripada NPPO negara pengeksport dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh surat permohonan. Sekiranya NPPO negara pengeksport telah menghantar maklumat teknikal selepas fail permohonan ditutup, permohonan ini akan diproses sebagai permohonan laluan pasaran (Market Access) daripada NPPO negara pengeksport.

2.3 PENGURUSAN RISIKO (RISK MANAGEMENT)

Unit Kawalan Import & PRA sebagai **urusetia Jawatankuasa PRA** akan menyiapkan maklumat, senarai dan rujukan perosak dan komoditi berdasarkan kepada maklumat dan *literature finding* yang diperolehi. Laporan lengkap Analisis Risiko Perosak akan dibentangkan kepada JK Kelulusan PRA.

Pertimbangan Jawatankuasa Kelulusan PRA;

- i. Permohonan pengimportan akan dibawa ke Jawatankuasa PRA bagi perbincangan dan keputusan selanjutnya berdasarkan kepada penyediaan maklumat dan laporan PRA yang disediakan oleh urusetia Jawatankuasa PRA dan Pasukan Petugas PRA.
- ii. Keputusan kelulusan pengimportan adalah tertakluk kepada Jawatankuasa PRA. Jika maklumat masih belum mencukupi, urusetia Jawatankuasa PRA akan membuat permohonan maklumat tambahan daripada NPPO pengeksport. Analisis Risiko Perosak akan diteruskan dengan maklumat – maklumat tambahan yang diberikan oleh NPPO negara pengeksport.
- iii. Laporan verifikasi premis untuk tujuan kuarantin selepas masuk (Post Entry Quarantine, PEQ), penyelidikan dan lain – lain tujuan yang berkaitan (yang dikeluarkan oleh Unit Penyaringan Biosekuriti Tumbuhan, Seksyen Kawalan Import dan Pengquatkuasaan Akta) adalah mematuhi syarat – syarat yang ditetapkan. Tempoh sah laku verifikasi premis tersebut adalah **3 tahun** dari tarikh keluar surat pematuhan.

- iv. Jika kelulusan pengimportan telah diberikan, syarat pengimportan akan dimajukan kepada NPPO pengeksport melalui surat untuk komen atau maklumbalas dan satu salinan surat kepada pengimport. Tempoh untuk komen atau maklumbalas syarat-syarat pengimportan daripada NPPO pengeksport kepada Jabatan Pertanian adalah 3 bulan.
- v. Selepas 3 bulan daripada tarikh surat rasmi komen atau maklumbalas syarat-syarat pengimportan dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian, syarat-syarat pengimportan berkenaan akan dimasukkan ke dalam sistem ePermit dan organisasi/pengimport/pengeksport/agen penghantar atau mana-mana individu bolehlah memohon Permit Import (Import Permit, IP) secara *online*.
- vi. Organisasi/pengimport/pengeksport/agen penghantar atau mana-mana individu perlu mendapatkan IP terlebih dahulu dan mematuhi syarat-syarat pengimportan di dalam IP sebelum kapal konsainan berlepas daripada pintu keluar negara pengeksport.

3.0 JAWATANKUASA KELULUSAN PERMOHONAN PENGIMPORTAN

A. JAWATANKUASA ANALISIS RISIKO PEROSAK (JK PRA)

Pengerusi : Pengarah, Bahagian Biosekuriti Tumbuhan

Ahli-ahli :

- 1. Semua Ketua Seksyen
- 2. Ketua Unit atau wakil unit di seksyen
- 3. Wakil Agensi/Jabatan/Institusi Awam/Kementerian berkaitan isu permohonan
- 4. Urusetia : Unit Kawalan Import dan PRA, Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
 - *Jawatankuasa PRA ini dianggotai oleh pegawai Bahagian Biosekuriti Tumbuhan, Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia.

Terma dan Rujukan (Term of Reference) **Jawatankuasa PRA** adalah seperti berikut:

- 1. Bertanggungjawab menentukan PRA dan syarat-syarat pengimportan komoditi / tanaman yang belum pernah diimport.
- 2. Bertanggungjawab mengemaskini dan menentukan syarat-syarat pengimportan yang sedia ada.
- 3. Menentukan PRA yang dijalankan dan syarat-syarat yang dikenakan ke atas pengimportan sesuatu komoditi / tanaman memenuhi prosedur fitosanitasi terkini selaras dengan Akta dan Peraturan Kuarantin Tumbuhan serta ISPM berkaitan.
- 4. Kekerapan mesyuarat adalah 4 kali setahun atau mengikut keperluan.

Tugas dan tanggungjawab **Jawatankuasa PRA** adalah seperti berikut :

- a) Melantik mana-mana pakar yang bersesuaian dengan bidang tertentu.
- b) Mengesahkan senarai-senarai perosak yang perlu dikawalselia dan dikenakan tindakan fitosanitasi.
- c) Mengesyorkan untuk menjalankan tugas *Verification of Compliance (VOC)* di negara pengeksport.
- d) Mengesahkan laporan Analisis Risiko Perosak bagi memulakan analisis mitigasi risiko perosak.
- e) Mengesahkan analisis mitigasi risiko perosak dan prosedur serta syarat import.

Terma dan Rujukan (Term of Reference) Pasukan Petugas **PRA** adalah seperti berikut:

- a) Menyediakan maklumat PRA dan pengesyoran yang perlu untuk komoditi / tanaman seperti nama tanaman, perosak dan penyakit, bahan-bahan yang dilarang, jemplasma yang dikawal dan tanaman yang dikawal secara spesifik.

- b) Menyediakan pengesongan jenis tanaman yang perlu dikuarantinkan, tempat kuarantine dan Stesyen Kuarantine Selepas Masuk (PEQ).
- c) Mengesyorkan syarat dan prosedur untuk pengimportan bahan larangan, membawa masuk untuk tujuan transit atau untuk tujuan komersil untuk Jawatankuasa PRA.
- d) Mengesyorkan syarat import untuk bahan yang memerlukan pemeriksaan kuarantine dan rawatan yang perlu dijalankan serta caj/fee yang dikenakan, sijil fitosanitasi untuk re-eksport dan dokumen berkaitan
- e) Membuat pengesongan untuk pindaan akta, peraturan, undang-undang, notifikasi dan garis panduan kuarantine tanaman di bawah Akta dan Peraturan berkaitan

Tugas dan tanggungjawab **Pasukan Petugas PRA** seperti di bawah:

- a) Membangunkan dan mengemaskini senarai perosak endemik, perosak kuarantine (quarantine pest) dan perosak bukan kuarantine terkawal (regulated non-quarantine pest).
- b) Mengesyorkan kategori dan jenis perosak serta bahagian tumbuhan yang diserang.
- c) Mengemaskini prosedur dan syarat pengimportan bahan terkawal yang dibenarkan diimport.
- d) Pengesongan untuk pindaan akta, peraturan, undang-undang, notifikasi dan garis panduan kuarantine tumbuhan di bawah Akta Biosekuriti Tumbuhan.

Dokumen/maklumat/*literature finding* berkaitan yang disediakan/dikumpul oleh urusetia akan diedarkan dalam tempoh sebulan sebelum mesyuarat diadakan untuk semakan semua ahli mesyuarat/pegawai pakar berhubung dokumen/maklumat permohonan.

B. JAWATANKUASA PERMOHONAN PENGIMPORTAN BERISIKO TINGGI (JKPPBT)

Pengerusi : Ketua Pengarah Pertanian

Ahli-ahli :

1. Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pengurusan dan Regulatori)
2. Pengarah atau wakil Bahagian Teknikal:
 - i. Bahagian Perancangan Strategik (BPS)
 - ii. Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja (BKRPB)
 - iii. Bahagian Pembangunan Industri Tanaman (BPIT)
 - iv. Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman (BKKT)
 - v. Bahagian Pengembangan Pertanian (BPP)
3. Pegawai Undang-Undang (PUU)
4. Semua Ketua Seksyen, Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
5. Wakil Jabatan/Agenси/Institusi Awam/Kementerian berkaitan isu permohonan
6. Urusetia : Unit Kawalan Import dan Analisis Risiko Perosak (PRA), Seksyen Kawalan Import dan Pengukuhan Akta, Bahagian Biosekuriti Tumbuhan

Terma dan Rujukan (*Term of Reference*) **Jawatankuasa PPBT** adalah seperti berikut:

1. Meneliti dan menilai laporan Analisis Risiko Perosak (*Pest Risk Analysis, PRA*) yang dijalankan bagi permohonan berisiko tinggi.
2. Meneliti pengesongan syarat-syarat yang dikenakan ke atas permohonan berisiko tinggi memenuhi prosedur fitosanitasi terkini selaras dengan ISPM, Akta dan Peraturan Kuarantine Tumbuhan.
3. Meluluskan permohonan berisiko tinggi yang mempunyai kepentingan kepada ekonomi negara.
4. Kekerapan mesyuarat adalah 4 kali setahun atau mengikut keperluan.

4.0 KAWALAN PENGIMPORTAN BERDASARKAN KUASA PERUNDANGAN MENGIKUT KATEGORI

A. LARANGAN (*PROHIBITED*)

BIL.	SENARAI KOMODITI	PUNCA KUASA
1.	Tanah	Peraturan 3 (PKT 1981)
2.	Keluarga Hevea bagi semua tujuan	Peraturan 6 (PKT 1981)
3.	Tumbuhan dari Kawasan Koko Afrika (endemik kepada penyakit kelapa, sawit dan koko)	Peraturan 8 (PKT 1981)
4.	Perosak dan Penyakit Tumbuhan	Seksyen 14 (AKTA 167) Peraturan 9 (PKT 1981)
5.	Tumbuhan-tumbuhan Berjadual	Jadual ke-3 (PKT 1981) Peraturan 8 dan 11 (PKT 1981)

Nota: Pengimportan di atas dibenarkan hanya bagi tujuan penyelidikan sahaja dan dikonsainkan kepada Ketua Pengarah Pertanian

B. BERISIKO TINGGI (*HIGH RISK*)

BIL.	SENARAI KOMODITI	PUNCA KUASA
1.	Semua Komoditi dari Negara – Negara Endemik (Tropik Amerika dan Kawasan Koko Afrika) Contoh: bijirin, logs, sawn timber, buah segar	Peraturan 7 (PKT 1981) Peraturan 8 (PKT 1981) Peraturan 5 (PKT 1981)
2.	Bahan Tanaman (<i>Seeds, Seedlings, Bulb, Cutting, Stolon, Tissue Culture, Mushroom Spawn, etc.</i>)	Peraturan 5 (1) dan 5 (2) (PKT 1981)
3.	Balak berkulit (Log / Veneer Grade Logs)	Peraturan 8 (PKT 1981) Peraturan 11 (PKT 1981)
4.	Komoditi Perumah Kumbang Khapra	Peraturan 5 (5) (PKT 1981)
5.	Lengai koko, buah rambutan, pulasan, longan, nam nam (Philippines dan Indonesia)	Peraturan 5 (6) (PKT 1981)

Nota: Pengimportan di atas dibenarkan tertakluk kepada keperluan Permit Import (IP).

C. BERISIKO SEDERHANA (*MEDIUM RISK*)

BIL.	SENARAI KOMODITI	PUNCA KUASA
1.	Semua Bijirin (1 Ogos 2021) (soybean, maize, grain for animal feeds) (1 Jan 2015)	Akta MAQIS 2011 (AKTA 728) Surat Arahan Pentadbiran
2.	Kekacang (bean) : Kopi dan Koko (1 Jan 2015)	Akta MAQIS 2011 (AKTA 728) Surat Arahan Pentadbiran
3.	Buahan Segar : Pisang dan Limau (1 Jan 2015) Mangga (2005) Durian (1 Mac 2017) Jambu Air Thailand (1 Okt 2010)	Akta MAQIS 2011 (AKTA 728) Surat Arahan Pentadbiran
4.	Daun : Tembakau dan Rumput (1 Jan 2015) dan Sireh (1 Mac 2017)	Akta MAQIS 2011 (AKTA 728) Surat Arahan Pentadbiran
5.	Fiber : Cotton dan Kapok (1 Jan 2015)	Akta MAQIS 2011 (AKTA 728) Surat Arahan Pentadbiran

GARIS PANDUAN
PERMOHONAN PENGIMPORTAN TUMBUHAN, PRODUK TUMBUHAN DAN ARTIKEL TERKAWAL

BIL.	SENARAI KOMODITI	PUNCA KUASA
6.	Sayuran : Cili (1 Mac 2017)	Akta MAQIS 2011 (AKTA 728) Surat Arahan Pentadbiran
7.	Dua belas (12) item Thailand (Cili, Serai, Halia, Ubi Keledek, Ubi, Kentang, Sengkuang, Kunyit, Lengkuas, Ubi Kemili, Ubi Keladi, Kacang Tanah, Daun Limau Purut) (1 May 2010)	Akta MAQIS 2011 (AKTA 728) Surat Arahan Pentadbiran
8.	Keratan Bunga Segar (<i>Fresh Cut Flower</i>) (<i>enforce full name genus and species 25 Mac 2013</i>)	Akta MAQIS 2011 (AKTA 728) Surat Arahan Pentadbiran
9.	Produk Kayu Semi Proses (log tanpa kulit tidak termasuk Negara Berisiko Tinggi, <i>sawn timber, semi-processed woods</i>)	Peraturan 8 (PKT 1981) Peraturan 11 (PKT 1981)
10.	Media Tanaman	Peraturan 5 (1) dan 5 (2) (PKT 1981)
11.	Bahan Organan	Peraturan 5 (1) dan 5 (2) (PKT 1981)
12.	Kacang Tanah Berkulit	Peraturan 8 (PKT 1981) Peraturan 11(PKT 1981)
13.	Mineral (<i>Raw and semi-processed</i>) (<i>Silica, Clay, Pebble, Stone etc.</i>)	Peraturan 3 (PKT 1981)
14.	Herba (<i>Medicinal Herbs</i>), Rempah Ratus dan tumbuhan kering (Kebolehupayaan untuk bercambah) (Negara Berisiko Tinggi)	Peraturan 4 (PKT 1981)
15.	Produk hasilan bijirin (<i>by-product</i>) (<i>Milling products, corn cob etc.</i>)	Peraturan 4 (PKT 1981)
16.	Bahan Pembungkus selain ISPM 15 (sebagai komoditi)	Peraturan 4 (PKT 1981)

Nota: Pengimportan di atas dibenarkan tertakluk kepada keperluan Permit Import (IP).

D. BERISIKO RENDAH

BIL.	SENARAI KOMODITI	PUNCA KUASA
1.	Sayuran dan Buah-Buahan (selain dari kategori tinggi dan sederhana) (<i>Human Consumption</i>)	Peraturan 4 (PKT 1981)
2.	Cendawan (<i>Human Consumption</i>)	Peraturan 4 (PKT 1981)
3.	Semua Jenis Bawang (<i>Human Consumption</i>)	Peraturan 4 (PKT 1981)
4.	Rempah Ratus (Dari Negara Selain Negara Berisiko Tinggi dan Negara Kumbang Khapra)	Peraturan 4 (PKT 1981)


Nota: Pengimportan di atas dibenarkan tanpa keperluan Permit Import (IP).

5.0 PROSES KERJA PENGIMPORTAN TUMBUHAN, PRODUK TUMBUHAN DAN ARTIKEL TERKAWAL

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
1.	Permohonan diterima	Urusetia JK PRA
2.	Semakan dan penilaian permohonan berdasarkan; Bentuk dan Tujuan Pengimportan Negara Asal	Urusetia JK PRA
3.	Pengelasan permohonan berdasarkan kategori risiko permohonan; a. Dilarang (<i>Prohibited</i>) b. Berisiko Tinggi (<i>High Risk</i>) c. Berisiko Sederhana (<i>Medium Risk</i>) d. Berisiko Rendah (<i>Low Risk</i>)	Urusetia JK PRA
4.	Semakan maklumat-maklumat permohonan, sekiranya; A. Lengkap: Pendaftaran permohonan dan maklumbalas penerimaan permohonan dihantar kepada pemohon B. Tidak Lengkap: Pemakluman kepada pemohon untuk melengkapkan maklumat permohonan yang tidak lengkap	Urusetia JK PRA
5.	Melaksanakan Analisis Risiko Perosak mengikut Perkara 2 dan 3 bagi permohonan yang lengkap; a. Menjalankan PRA asas (<i>Preliminary PRA</i>) b. Menyediakan maklumat senarai perosak (<i>pest lists</i>) berdasarkan carian di Crop Protection Compendium (CPC) dan lain-lain sumber rujukan c. Menyenaraikan Langkah-langkah Pengurusan Risiko (<i>Risk Mitigation</i>) yang bersesuaian dengan perosak yang dikawal (<i>Regulated Pest</i>) d. Menyediakan laporan asas PRA (<i>Preliminary PRA</i>)	Urusetia JK PRA Pasukan Petugas PRA
6.	Pembentangan laporan <i>Preliminary PRA</i> kepada Jawatankuasa PRA; A. Mempunyai Langkah-langkah Pengurusan Risiko (<i>Risk Mitigation</i>) yang sesuai: Permohonan diluluskan dengan penetapan syarat pengimportan yang bersesuaian B. Tidak Mempunyai Langkah-langkah Pengurusan Risiko (<i>Risk Mitigation</i>) yang sesuai dan berisiko tinggi: Permohonan ditangguhkan sehingga maklumat berkaitan Risk Mitigation dan maklumat lain diperolehi. Tindakan berikut akan disyorkan mengikut permohonan : i. Permohonan Maklumat Dokumen Teknikal (<i>Technical Document, TD</i>) daripada NPPO Negara Pengeksport untuk menjalankan PRA lengkap; dan ii. Pemeriksaan Pematuhan Kuarantin Import (<i>Verification of Compliance, VOC</i>). *Rujuk garis panduan pemeriksaan kuarantin di luar negara.	JK PRA

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
7.	<p>Penerimaan Maklumat Dokumen Teknikal (<i>Technical Document, TD</i>) untuk menjalankan PRA lengkap;</p> <p>A. Terima: Menjalankan PRA lengkap berdasarkan penilaian maklumat dokumen teknikal dan sambungan kepada Preliminary PRA</p> <p>B. Tidak Terima: Menghantar emel/surat peringatan kepada NPPO Negara Pengeksport</p>	Urusetia JK PRA
8.	<p>Pembentangan laporan PRA lengkap kepada Jawatankuasa PRA untuk pertimbangan kelulusan;</p> <p>A. Tangguh: Maklumat tidak mencukupi. Disyorkan untuk dijalankan VOC di Negara Pengeksport</p> <p>B. Lulus: Penetapan syarat pengimportan (keperluan pengisytiharan tambahan, rawatan, kuarantin selepas masuk)</p> <p>C. Tidak Lulus: Maklumbalas kepada pemohon</p> <p>D. Maju ke JK PPBT: Permohonan yang disenaraikan di jadual larangan (prohibited) dan berisiko tinggi yang telah diteliti di JK PRA dimajukan untuk pertimbangan JK PPBT</p>	Urusetia JK PRA
9.	<p>Pertimbangan kelulusan oleh JK PPBT;</p> <p>A. Meneliti laporan VOC.</p> <p>B. Permohonan yang disenaraikan di jadual larangan (prohibited) dan berisiko tinggi yang telah diteliti di JK PRA.</p> <p>C. Maklumbalas permohonan :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Lulus Penetapan syarat pengimportan (keperluan pengisytiharan tambahan, rawatan, kuarantin selepas masuk) ii. Tidak Lulus Maklumbalas kepada pemohon 	Urusetia JK PRA

6.0 CARTA ALIR PERMOHONAN PENGIMPORTAN TUMBUHAN, PRODUK TUMBUHAN DAN ARTIKEL TERKAWAL



7.0 SINGKATAN

BBT	: Bahagian Biosecuriti Tumbuhan
DOA	: <i>Department of Agriculture</i> (Jabatan Pertanian Malaysia)
HS Code	: <i>Harmonized Commodity Description & Coding System</i>
IP	: <i>Import Permit</i> (Permit Import)
MAQIS	: <i>Malaysian Quarantine and Inspection Services</i> (Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia)
MAFI	: <i>Ministry of Agriculture and Food Industries</i> (Kementerian Pertanian dan Industri Makanan)
PC	: <i>Phytosanitary Certificate</i> (Sijil Fitosanitasi)
SKIP	: Seksyen Kawalan Import dan Penguatkuasaan Akta
SSM	: Suruhanjaya Syarikat Malaysia
UKIPRA	: Unit Kawalan Import dan Analisis Risiko Perosak
UPB	: Unit Penyaringan Biosecuriti
UPP	: Unit Penguatkuasaan dan Perundangan, Seksyen Kawalan Import dan Penguatkuasaan

8.0 RUJUKAN

1. Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 (Akta 167)
2. Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728)
3. Akta Racun Makhluk Perosak 1974
4. Akta Biokeselamatan 2007
5. Peraturan-Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981

9.0 PENGHARGAAN

PENASIHAT

YBhg. Dato' Zahimi bin Hassan
 Ketua Pengarah
 Jabatan Pertanian Malaysia

KETUA EDITOR

Puan Rosmawati binti Selamat
 Pengarah
 Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
 Jabatan Pertanian Malaysia

BIL.	NAMA AHLI	JABATAN /AGENSI
1.	Encik Arizal bin Arshad Timbalan Pengarah	Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)
2.	Encik Sharipuddin bin Mohd. Halidi Ketua Penolong Pengarah Kanan	Seksyen Akreditasi & Fasilitasi Eksport Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)
3.	Puan Azean binti Ahmad Ketua Penolong Pengarah Kanan	Seksyen Kawalan Import & Penguatkuasaan Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)
4.	Puan Sabariah binti Kamis Ketua Penolong Pengarah Kanan	Seksyen Diagnostik & Kepakaran Perosak Tumbuhan Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)
5.	Cik Lailatul Jumaiyah binti Saleh Huddin Ketua Penolong Pengarah Kanan	Seksyen Pengurusan Perosak Tumbuhan Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)
6.	Puan Noraidah binti Musa Ketua Penolong Pengarah Kanan	Seksyen Koleksi & Repozitori Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)
7.	Encik Fakhrurazi bin Abdul Shattar Ketua Penolong Pengarah	Unit Kawalan Import & PRA Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)
8.	Puan Hafiza binti Che Abdul Manan Ketua Penolong Pengarah	Unit Penyaringan Biosekuriti Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)
9.	Puan Masturi binti Selaman Ketua Penolong Pengarah	Unit Perundangan & Penguatkuasaan Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)
10.	Encik Hussain bin Tahir Penolong Pengarah	Unit Kawalan Import & PRA Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)
11.	Puan Aini Rozaini binti Abu Bakar Penolong Pengarah	Unit Penyaringan Biosekuriti Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)

GARIS PANDUAN
PERMOHONAN PENGIMPORTAN TUMBUHAN, PRODUK TUMBUHAN DAN ARTIKEL TERKAWAL

BIL.	NAMA AHLI	JABATAN /AGENSI
12.	Encik Mohd. Irwan Zahrul bin Mohd. Yusoff Penolong Pengarah	Unit Perundangan & Penguatkuasaan Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)
13.	Puan Siti Nurkhairun Nisa binti Yusman Penolong Pengarah	Unit Kawalan Import & PRA Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)
14.	Encik Azrul bin Alias Penolong Pengarah	Unit Penyaringan Biosekuriti Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)
15	Puan Fonsenka Sendi Anak Meru Penolong Pengarah	Unit Kawalan Import & PRA Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)
16.	Tn. Hj. Mohd. Nizam bin Ibrahim Penolong Pegawai Pertanian	Unit Kawalan Import & PRA Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)
17.	En. Abdul Hadi bin Haji Mustapa Kamar Penolong Pegawai Pertanian	Unit Kawalan Import & PRA Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)
18.	Puan Norizah binti Abdul Hamid Penolong Pegawai Pertanian	Unit Kawalan Import & PRA Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)
19.	Puan Azfa Norhalili binti Norazmi Penolong Pegawai Pertanian	Unit Kawalan Import & PRA Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)
20.	Puan Ayurati binti Hassan Penolong Pegawai Pertanian	Unit Kawalan Import & PRA Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)



**PERMOHONAN PENGIMPORTAN TUMBUHAN,
